

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN : Uthsan Berneo TARikh : 20.07.2014
M/S : (B5)

Penulis KDM perlu fokus memangkin pelaksanaan dasar kerajaan:

Oleh HENRY BATING

Dr Janathan

GOLONGAN penulis Kadazandusun Murut perlu memiliki pendirian tegas untuk memfokuskan kegiatan berkarya yang dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat dasar kerajaan

baik di peringkat negeri maupun persekutuan. Penasihat Kelab Penulis KDM Sabah Malaysia (Momogunsia), Datuk Dr Janathan Kandok

berkata penulis harus bijak menempatkan dalam karya sudut positif aspek perpaduan, kerjasama menjaga keselamatan, pembangunan alam, pelancongan dan budaya.

"Kita harus dapat menegaskan pendekatan berkarya untuk meletakkan posisi sebagai rakan kerajaan menyempurnakan dasar-dasar membangunkan



JANATHAN ketika menerima kunjungan hormat pemimpin pusat Kelab Penulis KDM Sabah Malaysia (Momogunsia).

masyarakat dan negara,” kata Dr Janathan.

Dr Janathan yang juga Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negeri Sabah menyatakan demikian ketika menerima kunjungan hormat pemimpin pusat Momogunsia untuk memberi taklimat mengenai pendaftaran pertubuhan itu di samping memintanya menjadi penasihat.

Menurut Dr Janathan keberkesanannya sebuah badan penulis ditentukan oleh konsep pengkaryaan dan penerimaan kerajaan terhadap karya-karya yang dihasilkan.

Kunjungan itu diketuai Henry Bating sebagai pengurus, Raymond Majumah (Timbalan), Kathrina Tati Sitaim (Setiausaha) dan Sofie Clara (Jawatankuasa Pusat).

Dr Janathan yang juga memiliki kepakaran dalam penghasilan karya berharap kepimpinan Momogunsia dapat memberi teladan dan

bimbingan kepada generasi pelapis tentang penstrukturran penulisan karya yang lebih menggugah pembaca dengan penyampaian mesej yang berkesan.

Dr Janathan juga diberitahu bahawa keahlian Momogunsia turut dibuka kepada pelbagai etnik di negeri ini.

“Kewujudan kita adalah saling melengkapi dengan badan-badan penulis sedia ada dengan konsep utama memartabatkan bahasa Melayu, memasyarakatkan sastera etnik dan menggalakkan penulisan berasaskan kehidupan di Sabah dalam bahasa Inggeris, Kadazandusun, Murut, Bajau dan dialek-dialek lain,” kata Raymond.

Sementara itu Momogunsia sudah mengunjurkan pelbagai program bersifat pertemuan dan penerbitan bagi menyongsong persidangan agung pertama dan majlis pelancaran bersempena bulan kemerdekaan 2015.